



Respon penduduk terhadap penganjuran acara : Analisis pelancongan acara melalui media sosial Perbadanan Putrajaya

Nur Atiqah Kamarus Zaman¹, Habibah Ahmad¹, Hamzah Jusoh¹, Er Ah Choy¹, Nur Amirah Kamarus Zaman¹, Rosniza Azni Che Rose¹

¹Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Malaysia

Correspondence: Habibah Ahmad (email: ha@ukm.edu.my)

Abstrak

Pelancongan acara menjadi sub pelancongan yang popular masa kini dan memberi pulangan modal yang besar dalam meningkatkan ekonomi sesebuah destinasi. Kajian ini bertujuan untuk menilai respon penduduk setempat terhadap penganjuran acara di Pusat Pentadbiran Putrajaya. Satu analisis kandungan terhadap respon penduduk selepas penganjuran acara di dalam laman sosial (Facebook) Perbadanan Putrajaya telah dilakukan. Hasil kajian mendapati penduduk setempat memberikan respon yang negatif terhadap acara-acara yang di anjurkan di Putrajaya, Hanya segelintir sahaja daripada mereka yang memberikan respon positif. Justeru, pihak Perbadanan Putrajaya perlu meningkatkan promosi pelancongan acara yang dapat menarik minat dan penyertaan para penduduk pada masa akan datang.

Kata kunci : Acara, analisis laman sosial, facebook, pelancongan, penduduk, penganjuran acara.

Residents Reponses for the Organization Event : Analysis Through Event Tourism with Social Media Perbadanan Putrajaya

Abstracts

Tourism event became a popular tourist sub contemporary and huge capital returns in improving the economy of a destination. This study aimed to evaluate the response of the local residents towards tourism event in Putrajaya Administrative Centre. A content analysis of resident reponses after hosting the event in a social networking site (Facebook) Perbadanan Putrajaya has been done. The findings revealed that the local residents give a negative reponses of the events organized in Putrajaya, only a small number of those who gave a positive perception. Thus, the Perbadanan Putrajaya should increase tourism promotion event that can attract the local resident participation and awareness in the future.

Keywords: Event, social media analysis, facebook, tourism, residents, the organization of events

Pengenalan

Pelancongan acara telah dirancang dengan matlamat untuk menarik pengunjung ke sesebuah destinasi. Getz (2016) menyatakan pelancongan acara bukan sahaja sebagai animator tarikan destinasi tetapi juga sebagai pasaran utama dalam mempromosikan destinasi terhadap daya saing yang semakin global untuk meningkatkan perbelanjaan pelancong. Penganjuran acara memberikan impak positif untuk jangka masa panjang kepada sesebuah negara atau komuniti dari segi pembangunan pelancongan,

penghargaan kepada sesebuah komuniti, dan peningkatan kepada taraf hidup penduduk (Getz 2016, Roche 1994). Pelancongan acara terdiri daripada pelbagai jenis peringkat, tema, masa dan segmen pengunjungnya. Sub sektor pelancongan acara ini juga terdiri daripada aktiviti eko-pelancongan, sukan, kesihatan, pertanian, kesenian dan kebudayaan. Justeru, pelancongan acara merupakan satu perancangan, pembangunan dan pemasaran yang sistematik untuk menarik pelancong atau pengunjung ke sesebuah destinasi (Getz 1994; Qirici 2011).

Di peringkat antarabangsa, pelancongan acara di pusat-pusat pentadbiran kerajaan seperti Ottawa, Canberra, Washington D.C dan Brasilia dilihat tidak terkecuali dalam mempromosikan dan menganjurkan pelbagai aktiviti pelancongan acara bagi menarik tumpuan pengunjung dan penduduk. Getz (1991) menyatakan acara memainkan peranan penting dalam pembangunan pelancongan kerana terdapat hubungan yang rapat antara aktiviti pelancongan dan acara. Pelancongan acara ternyata menyumbang kepada peningkatan imej negara. Peluang menjadi tuan rumah dalam penganjuran acara terutama di peringkat antarabangsa seperti Sukan Olimpik, Festival Muzik Dunia memberi kebaikan untuk memperkenalkan negara dalam peta pelancongan dunia. Sepanjang penganjuran acara tersebut, pelbagai perkara dapat diketengahkan dalam mempromosikannya sebagai destinasi pelancongan pentadbiran seperti produk pelancongan sedia ada, daya tarikan destinasi, kepelbagaian makanan dan kebudayaan penduduknya (Goeldner & Long, 1987; Deccio & Baloglu, 2002). Oleh itu, penganjuran acara merupakan salah satu produk pelancongan yang mampu menjana pembangunan industri pelancongan ke tahap yang lebih tinggi.

Menyedari hakikat pentingnya sektor pelancongan, menyebabkan kerajaan Malaysia mengambil inisiatif untuk memajukan lagi sektor pelancongan dengan memberi penekanan terhadap pelancongan acara. Acara-acara yang dianjurkan tersebut perlulah terdiri daripada pelbagai peringkat dan segmen dalam memenuhi kehendak pelbagai segmen pengunjungnya. Setiap tahun, pelbagai acara dianjurkan sempena kempen Tahun Melawat Malaysia untuk penduduk dan para pelancong dari dalam dan luar negara. Kementerian Pelancongan Malaysia (2015) menyatakan pada tahun 2014 jumlah kedatangan pelancong di Malaysia meningkat kepada 27.4 juta orang berbanding 25.7 juta orang pada tahun 2013. Kepelbagaian acara dan aktiviti pelancongan ini secara tidak langsung telah meningkatkan lagi jumlah kedatangan pelancong ke destinasi pelancongan negara. Malah, ianya turut dapat membantu meningkatkan ekonomi negara. Oleh itu, pelancongan acara merupakan salah satu daripada sektor utama bagi memacu negara ke arah pencapaian negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Dalam konteks pusat pentadbiran, kini penganjuran acara di Putrajaya semakin mendapat perhatian serius oleh kerajaan. Putrajaya sebagai pusat pentadbiran negara juga adalah salah satu contoh yang mengunapakai konsep pelancongan acara sebagai aktiviti utama dalam menghidupkan dan mencerikan suasana di bandar pentadbiran. Putrajaya bukan sahaja dirancang sebagai pusat pentadbiran malah sebagai lokasi pelancongan yang menarik dengan kewujudan pelbagai taman, tasik buatan, rekaan jambatan dan bangunan yang unik. Namun, tanpa acara dan program yang menarik, Putrajaya akan hambar dan hanya dikunjungi untuk tujuan bekerja dan menguruskan hal-hal yang berkaitan kerajaan sahaja. Tujuan utama penganjuran acara ini bagi menghidupkan aktiviti pelancongan Putrajaya dan bukan hanya sebagai kawasan pentadbiran semata-mata. Stigma masyarakat yang dahulunya mengelarkan Putrajaya sebagai bandar mati kini telah disinari dengan suasana yang meriah dan padat dengan pelbagai program pelancongan. Pelancongan acara yang dianjurkan ini menjadi wadah untuk memacu Putrajaya sebagai destinasi pelancongan yang bersemangat dan bertenaga dengan pelbagai tarikan dan aktiviti pelancongan yang memenuhi keperluan sosioekonomi, rekreasi dan rohaniah penduduk, warga kerja dan pelawatnya. Bagi menjayakan matlamat Putrajaya sebagai destinasi pelancongan yang unggul di negara ini, pelancongan acara menjadi tunjang utama dalam merealisasikan hasrat tersebut. Malah penganjuran pelbagai acara antarabangsa beri kesan besar kepada imej Putrajaya (Utusan Online, 2015)

Sejajar dengan perkembangan pelancongan, penganjuran acara atau aktiviti pelancongan bertaraf antarabangsa kini semakin pesat dijalankan di Putrajaya. Pelbagai acara menarik dianjurkan oleh Putrajaya sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa dalam usaha menarik kedatangan pelancong dan penduduk. Hampir setiap bulan pihak perbadanan Putrajaya dengan kerjasama kementerian dan agensi pelancongan akan menganjurkan pelbagai acara atau aktiviti bagi menarik

kunjungan penduduk dan pelancong. Bagi memperkemas lagi acara dan program tahunan dijalankan di Putrajaya, Perbadanan Putrajaya telah mewujudkan sistem baharu iaitu penganjuran acara dan program sepanjang tahun mengikut kalendar yang telah ditetapkan. Kalendar tersebut bertujuan untuk mengatur segala program bagi memastikan penganjurannya berjaya dan mendapat sambutan daripada orang ramai. Malah, dengan adanya tahap kemudahan dan kemudahan infrastruktur yang baik menjadikan pelaksanaan pelancongan acara telah banyak berpusat dan dilaksanakan di Putrajaya. Sebagai penganjur acara, pelbagai kemudahan infrastruktur yang bertaraf dunia telah dibangunkan bagi menarik kedatangan penganjur lain dan pengunjung ke acara-acara yang dianjurkan (Nurul Azhani, 2008). Putrajaya perlulah bersedia untuk menyediakan segala kemudahan infrastruktur dan produk pelancongan acara dengan baik. Keadaan ini menjadikan pelancongan acara memainkan peranan penting dalam membentuk identiti pusat pentadbiran ini.

Dalam usaha kerajaan menjadikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan melalui pelancongan acara, maka persepsi dan kesannya terhadap penduduk amat penting (Hamzah et al. 2013; Nur Atiqah et al. 2014). Penduduk tempatan merupakan antara pihak berkepentingan yang memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan bagi sesebuah acara. Oleh yang demikian setiap perancangan yang melibatkan acara tersebut perlulah dimaklumkan dan dibincangkan bersama penduduk sebelum sebarang keputusan dibuat. Pandangan dan kehendak penduduk tempatan tidak seharusnya diketepikan oleh penganjur acara kerana ini akan menyebabkan tahap sokongan dan kerjasama penduduk akan berkurangan. Hal ini kerana pelancongan acara turut memberi persepsi yang berbeza kepada penduduk setempat. Persepsi penduduk setempat terhadap pelancongan acara perlu diambil kira, jika tidak ia akan menjejaskan kualiti penganjuran acara tersebut pada masa akan datang.

Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menilai respon penduduk terhadap penganjuran acara di Putrajaya sama ada diterima secara positif atau negatif.

Ulasan karya

Acara sebagai Pelancongan Acara

Pelancongan Acara merupakan segmen penting dan telah berkembang pesat dalam pelancongan antarabangsa (New Zealand Tourist and Publicity Department, 1987). Acara dikategorikan sebagai aktiviti, kejadian yang dirancang dengan tujuan positif maupun negatif serta kejadian yang menjadi kenyataan tanpa diduga. Acara memainkan peranan penting bagi sesebuah destinasi dalam membangunkan sektor pelancongan (Getz, 2016). Pelancong memerlukan sesuatu aktiviti atau acara bagi mengisi masa lapang mereka. Justeru itu mereka akan mencari aktiviti atau acara di sesebuah destinasi pelancongan. Acara akan memberi persepsi bahawa destinasi tersebut adalah baik untuk dikunjungi, memberi pengalaman dan akan menggalakan pelancong untuk menetap lebih lama di sesebuah destinasi. Oleh itu, secara umumnya acara bermaksud sesuatu yang terjadi, kejadian, suatu hasil daripada kegiatan sukan (Getz, 1991). Pelancongan acara secara umumnya didefinisikan sebagai satu perancangan, pembangunan dan pemasaran yang sistematik untuk menarik pelancong atau pengunjung ke sesebuah destinasi. Peranan acara dari perspektif pelancongan, menurut Collins dan Minnis (2007) pula adalah perancangan sistematik, pembangunan, dan pemasaran perayaan dan acara khas sebagai tarikan pelancong, imej-pembuat, pemangkin untuk infrastruktur dan pertumbuhan ekonomi, dan animator tarikan binaan. Pelancongan acara merupakan salah satu produk pelancongan yang mampu untuk menjana pembangunan bagi industri pelancongan serta sesebuah destinasi. Terdapat hubungan yang rapat antara aktiviti pelancongan dan acara, di mana acara yang berskala besar dapat digunakan untuk mempromosikan aktiviti pelancongan dan meningkatkan imej dan ekonomi bagi sesebuah negara (Getz, 1994). Menurut Getz (1991), pelancongan acara terdiri daripada tujuh elemen yang terdapat di sesebuah destinasi iaitu (1) infrastruktur (2) penginapan (3) pengangkutan (4) tarikan produk (5) katering (6) peniaga (7) kemudahan rekreasi atau hiburan. Berdasarkan ketujuh elemen tersebut, pengunjung yang datang ke destinasi dapat menikmati tiga elemen tarikan yang dikenali sebagai Tarikan Mutlak, Tarikan Kekal dan Acara. Antara ciri-ciri pelancongan acara adalah sebagai berikut :

- I. Terbuka untuk umum.
- II. Mempunyai tujuan utama untuk memperingati atau memamerkan sesuatu tema tertentu.
- III. Diselenggarakan dalam jangka waktu singkat iaitusetahun atau kurang.
- IV. Mempunyai acara pembukaan dan penutupan.
- V. Struktur organisasi yang dibentuk

Pelancongan acara adalah salah satu daripada sektor yang paling cepat berkembang dalam industri pelancongan yang semakin menarik minat pengusaha destinasi untuk menganjurkan acara-acara khas yang boleh menyediakan aktiviti yang menguntungkan di dalam komuniti. Pelancongan acara adalah unik dalam menarik pelancong atau penduduk dan merupakan pendorong penting kepada pelancongan. Acara yang berkaitan dengan pelancongan merangkumi (a) *Festivals, Special Event, Mega Event* (Getz, 1991), (b) *Major Event* (Torkildson, 1986). Pengaturcaraan acara-acara di destinasi pelancongan biasanya mengandaikan dua objektif iaitu untuk meningkatkan bilangan pelawat dalam tempoh tertentu dan untuk meningkatkan pendedahan negeri atau negara melalui publisiti dan liputan media. Namun, pelancongan acara boleh menyumbang secara positif kepada sesuatu tempat, tetapi tidak secara automatik menjamin pembangunan ekonomi tempatan (Qirici, 2011). Menurut Getz (2007) pengurusan pelancongan berurusan dengan pembangunan pelancongan dengan menganalisis kelakuan dan motivasi dari semua jenis pelancong. Sebaliknya, pengurusan acara berurusan dengan pemasaran acara, reka bentuk dan pengurusan acara. Selain itu, ia cuba untuk memahami pengalaman acara selain daripada menguruskannya. Oleh itu, pelancongan acara adalah di tengah-tengah dua sektor ini. Dalam erti kata lain, pelancongan acara bertujuan untuk mengeksploitasi keseluruhan keupayaan acara untuk mencapai pembangunan pelancongan komuniti tuan rumah. Perancang pelancongan acara perlu mengambil kira semua butiran pengurusan acara dan membuat penyelidikan terhadap pengurusan acara dari perspektif pelancongan. Kini pelancongan acara secara umumnya diiktiraf sebagai semua acara yang dirancang dalam pendekatan bersepadu untuk pembangunan dan pemasaran destinasi pelancongan. Oleh itu, pelancongan acara memainkan peranan penting dalam menarik pelancong mahupun penduduk setempat untuk terlibat dan memberi sokongan bagi sesebuah destinasi pelancongan.

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan untuk menilai komen dan pandangan pengunjung laman sosial iaitu terdiri daripada penduduk, pelancong, penganjur acara dan peniaga di sekitar Putrajaya iaitu seramai 137 responden. Pemilihan laman sosial Facebook Perbadanan Putrajaya dibuat kerana majoriti pengunjung yang akan memberikan komen sepanjang penganjuran acara pelancongan yang dilakukan di tempat mereka. Kaedah *cyber visit* telah dilakukan pada September 2015 dan respon pengunjung terhadap isu pada 31 Ogos 2015 digunakan sebagai data untuk memudahkan penyelidikan mengetahui setiap komen yang tergambar dalam minda penduduk selaku pengunjung pelancongan acara.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Putrajaya telah menekankan penganjuran acara dalam sektor pelancongannya bagi menarik kedatangan pengunjungnya. Penganjuran pelbagai acara di pusat pentadbiran Putrajaya ini telah berjaya merencanakan aktiviti pelancongan yang secara tidak langsung dapat melonjakkan imej Putrajaya di mata dunia. Walau bagaimanapun, hasil kajian mendapati respon penduduk adalah penting dalam memastikan kejayaan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan unggul.

Aktiviti Pelancongan Acara di Putrajaya

Pelancongan acara secara tidak langsung telah menjadi tunjang utama dalam pembangunan pelancongan di Putrajaya. Putrajaya sebagai pusat pentadbiran negara juga adalah salah satu contoh yang menggunakan konsep pelancongan acara sebagai aktiviti utama dalam menghidupkan dan menceriakan

suasana di bandar pentadbiran. Putrajaya bukan sahaja dirancang sebagai pusat pentadbiran malah sebagai lokasi pelancongan yang menarik dengan kewujudan pelbagai taman, tasik buatan, rekaan jambatan dan bangunan yang unik. Namun, tanpa acara dan program yang menarik, Putrajaya akan hambar dan hanya dikunjungi untuk tujuan bekerja dan menguruskan hal-hal harian yang berkaitan kerajaan sahaja. Tujuan utama penganjuran acara ini bagi menghidupkan aktiviti pelancongan Putrajaya dan bukan hanya sebagai kawasan pentadbiran semata-mata. Stigma masyarakat yang dahulunya mengelarkan Putrajaya sebagai bandar mati kini telah disinari dengan suasana yang meriah dan padat dengan pelbagai aktiviti pelancongan acara.

Jadual 1. Jumlah dan Kategori Acara di Putrajaya bagi Tahun 2012 -2014

Kategori Acara	2012	2013	2014
Acara Antarabangsa	13	6	18
Acara Kebangsaan	34	10	26
Acara Putrajaya	262	229	182
Jumlah	309	245	226

Sumber : Laporan Tahunan Perbadanan Putrajaya 2014

Hasil kajian mendapati, secara keseluruhannya pengangjuran acara di Putrajaya semakin berkurangan iaitu hanya 226 acara pada tahun 2014 berbanding 245 acara pada tahun 2013 dan 309 acara pada tahun 2012. Walau bagaimanapun pengangjuran acara di peringkat antarabangsa pada tahun 2014 semakin meningkat iaitu 18 acara berbanding hanya 6 acara pada tahun 2013. Malah acara di peringkat kebangsaan juga meningkat dari 10 acara pada tahun 2013 ke 26 acara pada tahun 2014. Namun, acara di peringkat Putrajaya semakin berkurangan iaitu hanya 182 acara pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 sebanyak 229 acara. Justeru, dalam memastikan kedatangan pengunjung terutama penduduk setempat, Putrajaya perlu menganjurkan lebih banyak lagi acara yang memenuhi pelbagai lapisan masyarakat. Pengangjuran acara-acara tersebut perlu diteruskan di samping penambahan beberapa aktiviti dan program yang lebih menarik.




Rajah 1. Kalender Acara Tahunan Putrajaya (2014 dan 2015)

Respon Penduduk Terhadap Pelancongan Acara Di Putrajaya

1. Kategori dan jantina penduduk


Peranan pengunjung amat penting dalam meningkatkan sektor pelancongan acara di sesebuah destinasi. Malah penduduk sebagai penyokong yang akan membantu menyemarakkan lagi perkembangan sektor pelancongan. Peranan pengunjung dalam kajian ini dinilai bagi melihat respon mereka terhadap penganjuran pelancongan acara yang diadakan di Putrajaya. Hasil kajian mendapati sebanyak 137 pengunjung facebook laman web Putrajaya memberikan responden dalam kajian ini (Jadual 1). Dari segi jantina, hasil kajian mendapati 76% responden adalah lelaki berbanding 34% adalah perempuan. Ini menunjukkan bahawa respon atau pandangan yang diutarakan tentang pelancongan acara di Putrajaya didominasi oleh golongan lelaki berbanding perempuan (Rajah 2).

Rajah 2. Jantina



2. Penilaian Acara Putrajaya

Seterusnya dari segi penilaian terhadap pelancongan acara yang dianjurkan, hasil kajian mendapati sebahagian besar responden memberi penilaian negatif terhadap acara yang dianjurkan di Putrajaya iaitu sebanyak 90% dan hanya 10% yang memberi penilaian positif. Senario ini menunjukkan pelancongan acara kurang mendapat perhatian dan kunjungan pengunjung. Putrajaya perlu menganjurkan acara-acara yang memenuhi pelbagai segmen lapisan masyarakat seperti kanak-kanak, remaja, belia, warga emas atau wanita dalam meningkatkan sokongan dan penglibatan mereka (Rajah 3).




Rajah 3. Penilaian Terhadap Acara yang Dianjurkan di Putrajaya

3. Punca Penilaian Negatif Terhadap Acara Yang Dianjurkan Di Putrajaya

Berikutan daripada penilaian negatif daripada responden, kajian ini telah mengkategorikan beberapa tema yang menjadi punca daripada penilaian negatif tersebut diutarakan (Rajah 4). Dari segi acara dan program yang dikendalikan, 17% daripada responden menyatakan acara yang dianjurkan kurang promosi, 14% tidak berminat untuk mengunjungi acara, 11% menyatakan tiada penguatkuasaan dan tiada komen dalam perkara tersebut. Ini menunjukkan acara dan program yang dikendalikan di Putrajaya memberi kesan negatif kepada pengunjung secara khususnya. Hal ini kerana, walaupun Putrajaya telah menganjurkan

pelbagai acara tahunan bertaraf tempatan dan antarabangsa seperti Belon Udara Panas, Hari Jutaan Belia, Hari Wilayah, Floria dan Pesta Sukan Air namun ianyaternyata tidak menarik minat penduduk Putrajaya untuk terlibat dan mengunjungi atau menyaksikan acara dan program tersebut. Ini mungkin kerana kesibukan penduduk Putrajaya dengan tugas masing-masing dan tidak mesra dengan pelancong telah menghadkan penglibatan mereka dalam aktiviti pelancongan. Keadaan ini perlu diperbaiki agar tidak menjejaskan pembentukan imej Putrajaya sebagai destinasi pelancongan unggul.



Rajah 4. Punca Penilaian Negatif Terhadap Acara yang Dianjurkan di Putrajaya

Berdasarkan kepelbagaian acara pelancongan yang dianjurkan di Putrajaya, hasil kajian mendapati pelancongan acara memberi persepsi yang negatif terhadap penduduk. Di mana terdapat banyak acara dan aktiviti pelancongan yang tidak dikunjungi oleh penduduk selama mereka menetap di Putrajaya. Kebanyakan responden tidak bersetuju dan menganggap pelancongan acara akan memberi impak negatif kepada mereka.

Menurut responden 1, pelancongan acara “Biar lah Putrajaya ni hidup dlm keadaan tenang setenangnyanya & takde gangguan..klu nak beli barang/menyoping lebih suka masuk KL, Bangi @ Kajang..klu ada event2 apa pun di Putrajaya ni..org Putrajaya tak keluarnya..mereka lebih suka relax bsantai kat umah..org luar je yg ramai masuk..byk2 event, karnival jualan apa2 @ sebagainya..hanya pesta floria je yang saya pergi..huhu..hihi... wink emoticonsamalah kita bile nk shopping suka pegi kajang, bangi or KL. Yer..Orang Putrajaya punyai pendapat yg sama.... Jgn anggap org Putrajaya ni semua bgaji besar..duit byk..huhu..tambah lak ngan harga semua barang skrg ni,yg tersangat la mahal.... ..kita pegi pasar mlm presint 2 tu pun boleh kira ngan jari..nak2 semua brg le ning mahal.. Darussalam Presint 16 tu lampu dia terang sgt la..pedih mata..hahaa..Old Town kat bangi @ cyberjaya la best....”

Manakala Responden 2 “sokong.. asyik jd pusat hiburan..dan event saja..nama pusat pertadbiran kerajaan..tp jd pusat jualan persekutuan dah.. tiap2 bln ada je event.. masuk sesuka hati..so dimanakah keselamatan? Cuba tgk pusat pertadbiran kerajaan negara lain..ada ke jd tpt hiburan dan jualan...dhla mahal plak tu..huhuhu...”

Responden 3 juga menyatakan “X pernah keluar kat event putrajaya...lepak kat umah jer best... Mlm tdi intai2 jgk dr tingkap umah, biasa jer xde apa yg meriah...bunga api pun x nampak...btol ke ada event...huhuhu Tp mmg percaya,tapak niaga slalunya mahal2...x berbaloi pun nak meniaga....kesian plk kat peniaga.”Sterusnya responden 4 “Betul3..sokong pndpt uols. Sy warga putrajaya menetap hampir 15 thun disini. Bile waktu cuti camnla kami sbgai penjawat awam ingin berehat dlm keadaan yg selesa. Sy sukakn suasana yg aman..bila terlampau byk event, jln mulai sesak...kebykannye org luar yg membanjiri Putrajaya

Walau bagaimanapun, terdapat juga pandangan positif penduduk terhadap pelanconganacara di Putrajaya. Responden 5 menyatakan “Saya memberi sokongan penuh pada Perbadanan Putrajaya”.

Jadual 3. Respon Pengunjung Acara Putrajaya

RESPONDEN	CATATAN
1	Setuju...lagi satu nak tambah kebanyakan peniaga ni bila ada apa2 event kat putrajaya. Semua kalut nak meniaga sebab untung besar katanya...boleh cas harga premium xseperti tmpt lain.Nasi lemak rm1 bila event kat putrajaya jd RM4... Sbb tu org putrajaya malas dah nak support event2 yg berorientasi keuntungan semata2. Kalau berunsur pameran Insha Allah akan penuh.
2	Aku igt karnival kub dah start..Rupanya belom..kan cantik buat sekali..tapi tulah kang berebut tapak pulak orang meniaga.. jgn terlalu banyak buat event..jemu dah kami yg dok sini..buat negeri lain pulak...tak semestinya semua nak buat kat putrajaya... p buat kat kuala ketil ka..kuala merah ka.... kg aku.. Anak nak main bola dpn pdg mahkamah pon cxl..parking jauh...he3
3	Saya memberi sokongan penuh pada Perbadanan Putrajaya.
4	Kami inginkan ketenangan di putrajaya....
5	putrajaya kan kota berhantu. hahaha . tempat besar pastu tidak ada apa time pagi je hidup malam macam kota berhantu
6	Cuti boh..balik kampung.
7	teringat lagi kami bukak kedai kat uptown putrajaya tahun 2013. awal2 je ok.. lepas raya BUNGKUSSSS
8	Putrajaya semakin serabut dengan event-event yang serabut. sewa tapak mahal, tiada promosi.
9	Budak **** banyak..g lah masjid bro..banyak aktiviti
10	so lps ni, PPJ kena la blacklist yg mana merosakkan nama PPJ.....
11	Bdk kpg br nk 'up' tu..sbb tu dtg bandar brtukar jd mcm beruk..hehhehehee
12	Biasenya klu Majlis Belia diurus oleh orang politik.. maka tak hairanlah berlaku demikian..
13	Teringat Nizman Tajima cerita itu hari.
14	Mana2 majlis perbandaran macam ni, suka2 saman walaupun tiada kemudahan parking, takde ihsan pada pelawat
15	Sokong..asyik jd pusat hiburan..dan event saja..nama pusat pertadbiran kerajaan..tp jd pusat jualan persekutuan dah.. tiap2 bln ada je event.. masuk sesuka hati..so dimanakah keselamatan? Cuba tgk pusat pertadbiran kerajaan negara lain..ada ke jd tpt hiburan dan jualan...dhla mahal plak tu..huhuhu...
16	setuju.....masalah parking dari tahun 2012 lagi..dulu time bas bole masuk lagi la..macam2..oh lagi satu..buat tempat komersial ,parking tu biar byk jugak la ye..

- 17 sepatutnya penganjur lebih peka.....bukan pekak.....Drag peniaga sampai malam semata-mata xmau penuhi permintaan peniaga...kenapa event yg dijanjikan dibatalkan 2 hari sebelum 29/08/2015 tidak dimaklumkan kepada peniaga?? Itu saja yg jadi persoalan..... 3 ari cuti g umrah...?
- 18 Org perbadanan dah mulq pandai mcm staff Dbkl Dah... Karnival belia 2010 lagi hancus...ujud peniaga haram yg xbayar kesen tapi dilindungi.boikot je semua fest jgn masuk...
- 19 betul
- 20 Pengerusi xde background sales & marketing.
- 21 Lebih baik jgn ganggu putrajaya... kami sgh ddk rumah lg dr hadapi kesesakkan..
- 22 Biar lah Putrajaya ni hidup dlm keadaan tenang setenangny & takde gangguan..klu nak beli barang/menyoping lebih suka masuk KL, Bangi @ Kajang..klu ada event2 apa pun di Putrajaya ni..org Putrajaya tak keluarnya..mereka lebih suka relax bsantai kat umah..org luar je yg ramai masuk..byk2 event, karnival jualan apa2 @ sebagainya..hanya pesta floria je yang saya pergi..huhu..hihi... wink emoticonsamalah kita bile nk shopping suka pegi kajang, bangi or KL. Yer..Orang Putrajaya punyai pendapat yg sama.... Jgn anggap org Putrajaya ni semua bgaji besar..duit byk..huhu..tambah lak ngan harga semua barang skrg ni,yg tersangat la mahal.... ..kita pegi pasar mlm presint 2 tu pun boleh kira ngan jari..nak2 semua brg le ning mahal.. Darussalam Presint 16 tu lampu dia terang sgt la..pedih mata..hahaa..Old Town kat bangi @ cyberjaya la best.... like emoticon
- 23 Patut asal dtg je mcm tak siap.rupanya sambutan tiada.mat rempit yg brtambah ramai.meriah ya.
- 24 X pernah keluar kat event putrajaya...lepak kat umah jer best... Mlm tdi intai2 jgk dr tingkap umah, biasa jer xde apa yg meriah...bunga api pun x nampak...btol ke ada event...huhuhu Tp mmg percaya,tapak niaga slalunya mahal2...x berbaloi pun nak meniaga....kesian plk kat peniaga.
- 25 Setuju....putrajaya dulu aman...sekarang kucar kacir penuh dgn mat motor....polis tlg ambk tindakan....dah tak selamat rasanya putrajaya ni...kurangkan event kalau blh...serabut....
- 26 Hehehe..x kisah la kub or kud...yg nyata org berniaga mmg suka berniaga kat putrajaya ni sbb boleh potong leher..mahal giler makanan...baik ddk rmh lagi best..dh penat2 bekerja ddk la rmh layan keluarga sambil hirup kopi dgn pisang goreng
- 27 Maaf bersuara, sepanjang tempoh 15 tahun tinggal di Putrajaya, saya amat kecewa terhadap acara2 yang diadakan dari persiapan, semasa dan selepas. Acara2 yang diadakan bukan sahaja seolah2 tidak diatur dengan betul, malah terkadang acara2 menyebabkan pe...See More
- 28 Kenapa penganjur sesuka hati 'jual' nama perbadanan putrajaya?
- 29 promosi xdok tu..kawe baru tau loni ade event..
- 30 Ohhh... ada karnival merdeka rupanya. Tak tahu pulak
- 31 Betul3..sokong pndpt uols. Sy warga putrajaya menetap hampir 15 thun disini. Bile waktu cuti camnila kami sbgai penjawat awam ingin berehat dlm keadaan yg selesa. Sy sukakn suasana yg aman..bila terlampau byk event, jln mulai sesak...kebykannye org luar yg membanjiri putrajaya
- 32 hahaha..btul..sye pun cmtu gak..
- 33 Che nuur, saya bg satu like sbg penduduk putrajaya.

- 34 Tp mmg akui..tiada promosi berkaitan program ini..mlm merdeka(mlm td) ade lalu..tertnya2 jugak...ade jualan ke smpena merdeka ni?nk kata ambang merdeka pun..x pulak di war2kn ..tiada banner..promote ke...
- 35 Tolong la anjurkan program2 kesedaran Masyarakat tentang berjimat cermat dalam ekonomi negara sekarang. Macam mana nk kitar semula ke, program kemasyarakatan ke lagi bagus dari event2 nk abiskan duit
- 36 sabar sabar..bawa bertenang..
- 37 Putrajaya Darussalam.
- 38 Tolak troli jual air ok gak nie masa karnival malam Sewa kasut roda maklum la yg keje putrajay ni gaji cukup makan
- 39 Dulu event grand2 je kat putrajaya... Lame2 dh jd jln TAR dah.. Mlm pun dh x tenang...
- 40 mmg la tak bnyk sale... tarikh cuti bersambung konpem org putrajaya keluar balik kampung misalnya... skang pun hiway heavy kan.. semalam gi tgk2 jgk... mmg ramai dari hari minggu aktiviti biasa kt sini.. tapi budak2 yg main rollerblade la biasanya yg ...See More
